



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Dr **Mohd Yahya Mohd Ariffin**

Soal jawab kerjaya

Soalan 1

Saya akan menamatkan pengajian daripada universiti, namun masih tidak pasti sama ada ingin bekerja dalam sektor awam atau swasta. Saya ingin mendapatkan maklumat mengenai kelebihan berkhidmat di kedua-dua sektor itu bagi memudahkan keputusan dibuat.

Zaida Ismail

Ketidaktentuan sering timbul dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) iaitu sama ada ingin bekerja dalam sektor awam atau swasta. Sekiranya difikirkan selesa untuk bekerja dalam sektor awam, anda boleh memohon pekerjaan dalam sektor itu.

Jika inginkan tugas yang lebih mencabar dan berpendapatan lebih tinggi, anda boleh memasuki sektor swasta. Setiap sektor mempunyai kelebihan, namun terpujang kepada anda untuk menentukan kerjaya manakah yang paling sesuai. Berikut ialah kelebihan bekerja dalam sektor awam dan swasta sebagai panduan.

1 Kelebihan sektor awam

- Pekerjaan lebih terjamin.
- Boleh memilih skim pencen atau caruman

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

- Bonus/imbuan khas tahunan jika kewangan kerajaan mengizinkan.
- Kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.
- Kemudahan rawatan perubatan di hospital atau klinik kerajaan/swasta.
- Majikan mencarum ke dalam KWSP (jika memilih skim ini).
- Peluang meningkatkan tahap akademik dan profesion melalui latihan dan pendidikan sehingga Ijazah Doktor Falsafah (PhD).
- Peluang kenaikan pangkat berdasarkan pengalaman dan kecemerlangan.
- Faedah pencen dan gratuiti (ganjaran).

2 Kelebihan sektor swasta

- Gaji permulaan dan

elaun yang menarik.

- Bonus tahunan berdasarkan prestasi dan keuntungan syarikat.
- Kenaikan gaji tahunan bergantung kepada prestasi kerja.
- Peluang kenaikan pangkat berdasarkan prestasi dan kecemerlangan.
- Ada syarikat menyediakan kemudahan pinjaman seperti perumahan dan kenderaan.
- Pembiayaan rawatan perubatan.
- Ada syarikat menyediakan kemudahan insurans perlindungan diri.
- Berpeluang memiliki saham syarikat.
- Majikan mencarum ke dalam KWSP. Kelebihan yang dinyatakan di atas adalah secara umum dan setiap organisasi di kedua-dua sektor itu mempunyai fokus dan bidang tugas dan perkhidmatan yang berbeza.

Soalan 2

Saya sering terbaca dalam akhbar mengenai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), namun kurang memahami peranan dan tanggungjawabnya. Saya mohon pihak Dr menerangkan mengenai dan tanggungjawab saya sebagai pekerja dan majikan terhadap KWSP. Saya baru bekerja sebagai eksekutif di syarikat swasta dan merupakan pekerjaan pertama saya.

Shaharuddin Osman

Tahniah kerana mendapat tawaran kerja sebagai eksekutif. Anda perlu pastikan bahawa majikan mencarum dalam KWSP setiap bulan. Tindakan itu perlu kerana membabitkan kepentingan dan hak anda sebagai pekerja, manakala caruman itu ialah kewajipan majikan seperti termaktub dalam peruntukan undang-undang negara ini.

Instrumen itu mewajibkan majikan dan pekerja

mencarum sejumlah pendapatan dan gaji masing-masing secara bulanan. Majikan diwajibkan membuat caruman dalam KWSP bagi kedua-dua bahagian pekerja dan majikan pada kadar semasa mengikut Akta KWSP 1991 iaitu 11 peratus daripada gaji anda, manakala 13 peratus disumbangkan oleh majikan.

Sebagai pekerja, anda dan majikan atau satu daripadanya boleh memilih secara sukarela untuk mencarum pada kadar yang lebih tinggi. Semua saraan yang dibayar kepada anda sebagai upah adalah tertakluk kepada caruman KWSP.

Ini termasuk gaji, bonus, elaun, komisen, tunggakan gaji dan bayaran untuk cuti tahunan yang tidak digunakan. Selain itu, gaji yang diterima ketika cuti bersalin, cuti belajar, cuti separuh hari serta gaji pengarah (sebagai pekerja).

Bagaimanapun, bayaran seperti caj perkhidmatan,

bayaran kerja lebih masa, gratuiti, yuran pengarah, faedah persaraan, bayaran sebagai gantian notis penamatan perkhidmatan, faedah pengurangan pekerja, pemberhentian sementara dan penamatan, serta sebarang elaun perjalanan atau nilai sebarang konsesi perjalanan tidak tertakluk kepada caruman KWSP.

Apabila anda bekerja buat pertama kali, menjadi tanggungjawab majikan untuk mendaftarkan anda sebagai ahli KWSP. Anda dianggap telah berdaftar dengannya sebaik saja anda diberikan nombor keahlian.

Jika tidak menerima sebarang maklum balas daripada KWSP atau majikan mengenai pendaftaran, anda boleh pergi ke mana-mana pejabat KWSP bagi memperoleh nombor keahlian.

Sebagai ahli KWSP, anda berpeluang untuk mendapat pelbagai manfaat selain simpanan terjamin yang akan diperoleh pada hari persaraan kelak. Ini termasuk dividen tahunan, pelepasan cukai, faedah hilang keupayaan dan faedah kematian.

Maklumat lanjut boleh diperoleh dengan melayari www.kwsp.gov.my atau menghubungi Pusat Pengurusan Pelanggannya di talian 03-89226000.